

LATIHAN 1 - ISTILAH

Kenali Diskaun, Bil, Rebat dan Invois

Pilih jawapan yang sesuai. **SP 5.1 (ii)** **TP 1**

Rebat

Diskaun

Invois

Bil

1. Penyata bertulis tentang pembelian sesuatu barang atau perkhidmatan yang diterima.	
2. Maklumat barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada pelanggan dan jumlah yang perlu dibayar oleh pelanggan.	
3. Potongan harga daripada harga asal.	
4. Potongan daripada sejumlah bayaran atau pemulangan sebahagian wang selepas pembelian barangan.	

LATIHAN 2 – PENYELESAIAN MASALAH

- 1 Rajah berikut menunjukkan harga sehelai kemeja dan sehelai blaus.



Afiya membeli kedua-dua helai baju itu dengan diskaun sebanyak 20%. Berapakah wang yang perlu dibayarnya?

Jawapan: _____

Jumlah kedua-dua baju:

$$\text{RM } 69.90 + \text{RM } 89.90 = \text{RM } \underline{\hspace{2cm}}$$

Potongan harga 20% :

20% daripada RM _____

Wang perlu dibayar :

$$\text{RM } \underline{\hspace{2cm}} - \text{RM } \underline{\hspace{2cm}} = \text{RM } \underline{\hspace{2cm}}$$

2. Rajah berikut menunjukkan sebahagian invois yang tidak lengkap yang harus dibayar oleh Encik Asrul. Lengkapkan invois berikut.

No. Invois: 43760 Tarikh: 28 Disember 2021			
Kuantiti	Barang	Harga seunit	Harga
3	Set sofa	RM 4 500	
2	Set meja makan	RM 1 500	
Jumlah			RM 16 500
Diskaun 10%			

$$\text{RM } 4500 \times 3$$

$$\text{RM } 1500 \times 2$$

Encik Asrul mempunyai simpanan sebanyak RM 123000. Dia membayar invois itu dengan wang simpanannya. Berapakah baki wang simpanannya sekarang?

Harga yang perlu dibayar SELEPAS diskaun?

$$\text{RM } 16\,500 - \text{RM } \underline{\hspace{2cm}} = \text{RM } \underline{\hspace{2cm}}$$

Baki wang simpanan Encik Asrul setelah membuat bayaran?

$$\text{RM } 123\,000 - \text{RM } \underline{\hspace{2cm}} = \text{RM } \underline{\hspace{2cm}}$$